



KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN DESAMALL @*ONLINE* DAN
MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
(MOU) ANTARA KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH, CELCOM AXIATA BERHAD DAN 11STREET**

DEWAN TUN RAZAK, HALL 4, ARAS 4, PWTC

**21 OKTOBER 2017 (SABTU)
WAKTU KETIBAAN : 4.30 PETANG**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

SALUTASI

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera

Yang Berhormat Datuk Alexander Nanta Linggi,
Yang Berhormat Datuk Ahmad Jazlan Yaakub
Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Berbahagia Datuk Borhan Bin Dollah
Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Michael Kuehner
Ketua Pegawai Eksekutif Celcom Axiata Berhad

Chuljin Yoon
Ketua Pegawai Operasi 11street

Pegawai-Pegawai Kementerian dan Agensi

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri

Para Usahawan DesaMall@ *Online*

YB dan YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan/Puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya kita semua dapat berkumpul di sini bagi bersama-sama menjayakan **Majlis**

Pelancaran DesaMall@Online dan seterusnya menyempurnakan **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU)** antara Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Celcom Axiata Berhad dan 11street.

2. Sempena KUD kali ini, KKLW memperkenalkan ruang pasaran baharu iaitu melalui perniagaan dalam talian (*online*) kepada usahawan luar bandar.

PROGRAM DESAMALL@ONLINE

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Teknologi ICT bukan sesuatu yang asing lagi dalam kehidupan seharian kita. Revolusi ini telah mengubah bagaimana cara kita berfikir, mendapatkan maklumat, bersosial dan mengurus niaga.

4. Dahulunya segala urusan jual-beli memerlukan kita untuk berada secara fizikal di kedai, namun kini segalanya di hujung jari. Segala urusan membeli-belah boleh dibuat dari rumah, pejabat, stesen keretapi malah di mana-mana sahaja kita berada dan pada bila-bila masa.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Pelbagai inisiatif telah dirangka oleh Kerajaan untuk melahirkan usahawan yang berdaya saing dan terus kompetitif dalam pasaran global. Salah satu inisiatif ke arah mencapai matlamat tersebut adalah melalui **ekonomi digital** atau lebih dikenali sebagai e-dagang.

6. Statistik menunjukkan bahawa industri e-dagang di Malaysia telah mencecah sehingga **RM24.6 billion atau USD5.9 billion** pada suku pertama tahun ini. Angka ini dijangka akan terus meningkat dari tahun ke tahun.

7. Negara kita juga mempunyai sebanyak **16 juta pelanggan digital** dan di rantau negara **ASEAN sendiri mencatatkan 87 juta**. Jelas di sini bahawa terdapat ruang dan peluang yang besar untuk para usahawan merebut peluang memperluas perniagaan mereka melalui perniagaan e-dagang.

8. Menyedari kepentingan ini, Kementerian telah merangka strategi **Pelan Transformasi Luar Bandar** dengan salah satu inisiatif iaitu **Memperluas Perniagaan Secara dalam Talian (*Online*)** untuk usahawan luar bandar menggunakan platform e-dagang yang dinamakan **DesaMall@*Online***.

9. Sesuai dengan arus perkembangan teknologi, usahawan pada masa ini perlu mahir mengaplikasikan teknologi dalam perniagaan mereka. E-dagang bukan sahaja dapat membantu meningkatkan jualan, malah secara tidak langsung dapat menambah baik mutu dan kualiti produk tempatan.

OBJEKTIF PROGRAM

Hadirin sekalian,

10. Program *DesaMall@ Online* telah dirangka dengan tujuan untuk memperluas rangkaian perniagaan disamping **meningkatkan hasil jualan produk- produk usahawan luar bandar sehingga 30% setahun** melalui promosi dan pemasaran dalam talian.

11. Antara objektif lain program ini adalah seperti:

- i. Menyediakan platform e-dagang kepada usahawan luar bandar yang mudah digunakan dan diakses melalui aplikasi web dan aplikasi mudah alih; dan
- ii. Merupakan salah satu inisiatif KKLW untuk membantu usahawan luar bandar menambah baik mutu dan kualiti produk untuk kesediaan berniaga dalam talian.

12. Melalui program yang dianjurkan, Kementerian akan berupaya mewujudkan komuniti usahawan luar bandar yang mampu menjadi penggerak kepada perkembangan e-dagang pada masa akan datang.

KERJASAMA BERSAMA CELCOM AXIATA BERHAD DAN 11STREET

Hadirin dan hadirat sekalian,

13. Kementerian telah mengenalpasti beberapa platform e-dagang yang sesuai untuk usahawan luar bandar. Sebagai permulaannya, Kementerian akan bekerjasama dengan 11street dan Celcom.

14. 11street dilihat mampu membantu usahawan luar bandar memasarkan produk melalui platform yang disediakan. Sejak ditubuhkan pada April 2015, kini 11street telah mempunyai 40 ribu usahawan *online*, 13 juta *product listing* dan 16 juta pengunjung dalam masa sebulan. Disamping itu, 11street juga telah membelanjakan RM60.4 juta untuk mempromosikan jualan *online* pada tahun 2016.

15. Melalui kerjasama Celcom bersama 11street yang mempunyai lebih daripada **12 juta pelanggan**, sudah pasti ia mampu memberi kesan yang positif kepada usahawan KKLW. Selain itu, Celcom turut menyediakan “*coverage*” sehingga ke kawasan luar bandar bagi memudahkan urusan jual-beli dibuat melalui telefon pintar 4G sehingga ke kawasan luar bandar yang tiada liputan.

16. Kementerian juga berterima kasih kepada 11street kerana selain promosi yang diadakan, 11street turut menyediakan perkhidmatan latihan serta kemudahan secara percuma kepada usahawan KKLW.

17. Dimaklumkan juga, seramai 12 orang pegawai daripada KKLW dan agensi telah menerima latihan secara percuma selama lima (5) hari di 11street melalui kursus ToT@11street yang telah diadakan pada bulan Ogos 2017. Diharap lebih banyak kursus seperti ini dapat diadakan pada masa akan datang untuk membantu usahawan-usahawan luar bandar yang terlibat di dalam perniagaan *online*. Terima kasih diucapkan pada Celcom dan 11street.

PELAKSANAAN PROGRAM

Hadirin yang dihormati,

18. Semenjak Program DesaMall@*Online* ini diperkenalkan pada 11 Mei 2017, seramai **230 usahawan luar bandar** yang memenuhi kriteria yang ditetapkan (*online business readiness*) telah dipilih untuk mengikuti latihan yang dikendalikan oleh 11street.

19. Latihan ini termasuk kaedah penjualan produk melalui platform 11street, *copy-writing*, promosi, pemasaran dan teknik-teknik mengambil gambar produk dengan baik.

20. Sebagai permulaan sebanyak **lima (5) kluster produk-produk usahawan** disenaraikan dalam talian melibatkan 118 produk iaitu seperti berikut:-

- i. **Makanan dan Minuman;**
- ii. **Produk Kesihatan & Kecantikan;**
- iii. **Pakaian;**
- iv. **Perhiasan dan Aksesori; dan**
- v. **Kraftangan.**

21. Usahawan-usahawan ini telah mula memasarkan produk-produk mereka secara *online* melalui platform 11street dan tuan-puan boleh membeli produk tersebut melalui **online store DesaMall di 11street**. Sebanyak 30 produk yang terbaik turut dipamerkan di ruang pavilion DesaMall@*Online* di dewan ini.

SASARAN DAN PENCAPAIAN

Para hadirin yang dihormati,

22. Melalui Program **DesaMall@Online**, Kementerian mensasarkan sebanyak **500 sehingga 1000** usahawan luar bandar sudah mula berniaga secara dalam talian sehingga tahun 2018 dengan jumlah **peningkatan pendapatan sehingga 30% setahun**.

23. Selaras dengan matlamat ini, Kementerian dengan kerjasama strategik bersama Celcom Axiata Berhad, 11street dan Pos Malaysia akan sentiasa berusaha dalam merangka strategi dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan digital luar bandar.

PENUTUP

Para hadirin,

24. Dikesempatan ini, saya berharap lebih ramai usahawan luar bandar mengambil ruang dan peluang daripada inisiatif ini untuk mengembangkan perniagaan mereka secara dalam talian.

25. InshaAllah, melalui *strategic partnership* ini, Kementerian berharap agar komuniti digital luar bandar dapat diwujudkan. Semoga kolaborasi ini akan berterusan sehingga matlamat Kementerian ke arah visi “**Memandarkan Luar Bandar**” berjaya direalisasikan.

26. Akhir kata, saya berharap agar program ini akan berlangsung dengan jayanya dan mencapai objektif seperti yang disasarkan. Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya Celcom Axiata Berhad, 11street, POS Malaysia diatas kerjasama dalam menjayakan program ini.

27. Besar harapan saya, usaha yang kita laksanakan ini dapat memastikan usahawan luar bandar dapat mengatur langkah yang strategik melalui program *DesaMall@Online* dalam merentasi cabaran ekonomi digital akan datang. Sekian.

Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini melancarkan program *DesaMall@Online* KKLW.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.